

DATE: 11/07/1988

## USUL SINGKIR HAMID SATU PENGHINAAN — ZAID

# Rakyat kecam Majlis Peguam



ENCIK ZAID  
Presiden Persatuan  
Peguam Muslim

**KUALA LUMPUR 10 Julai —** Persatuan Peguam Muslim Malaysia berpendapat usul Majlis Peguam Malaysia supaya Pemangku Ketua Hakim Negara, Tan Sri Hamid Omar disingkirkan bukan sahaja merupakan satu penghinaan kepada beliau tetapi juga sistem kehakiman negara ini.

Presiden persatuan itu Encik Zaid Ibrahim dalam satu kenyataannya berkata, usul itu adalah di luar keperibadian dan tatasusila bangsa.

Beliau berkata, tindakan majlis itu mengeluarkan resolusi - resolusi serta ugutan semalam telah mengeruhkan lagi keadaan yang menimpa badan kehakiman sekarang.

Katanya, jika badan itu lumpuh ia adalah lanjutan dan ekoran daripada tindakan mereka.

### Ditarik balik

Semalam, majlis itu mendesak Yang di-Pertuan Agong supaya memecat Tan Sri Hamid dan menuhkan beliau sebagai orang yang bertanggungjawab menggantung kelima - lima hakim Mahkamah Agung Rabu lepas.

Majlis itu juga mahu penggantian lima orang hakim itu ditarik balik.

Encik Zaid berkata, jika terdapat mana - mana pihak yang terkilan atau tidak berpuas hati tentang isu-isu tertentu di luar profesion mereka, mereka boleh menyalurkannya melalui saluran - saluran yang berkenaan.

"Kita tidak boleh menggunakan platform profesion guaman ini untuk perjuangan politik," tambahnya.

Menurutnya, kebebasan kehakiman itu tidak bererti hakim tidak boleh melakukan kesalahan dan biarlah proses perundangan yang menentukan jika mana-mana hakim melakukan kesalahan.

Encik Zaid berkata kebebasan institusi kehakiman dan keutuhan undang - undang yang ingin dipertahankan tidak boleh dipertahankan dengan menghinakan dan melakukan sesuatu yang boleh menghancurkan nya.

Beliau meminta Majlis Peguam supaya tidak

LIHAT MUKA 2

mengambil tindakan yang tidak wajar kerana akan membahayakan kebebasan yang selama ini dinikmati oleh profesion guaman.

Persatuan itu turut menyokong dan berkeyakinan penuh atas Tan Sri Hamid Omar dan yakin beliau tidak akan tunduk di atas ugutan dan kecaman itu.

Sementara itu, tokoh - tokoh politik dan beberapa buah persatuan di seluruh negara turut membidas Majlis Peguam kerana resolusi - resolusi mereka yang dianggap sebagai melampau - melampau dan secara terang - terang cuba menghasut rakyat menentang sebarang keputusan yang dibuat oleh kerajaan.

Mereka berkata tindakan Majlis Peguam itu seolah - olah seperti me-rekalah (Majlis Peguam) yang melantik para hakim dan perlu menentukan siapakah yang layak untuk dilantik sebagai Ketua Hakim Negara.

Di Johor Baharu: Ketua Penerangan Per-

hubungan UMNO Johor, Encik Mohamad Haji Aziz berkata, Tan Sri Abdul Hamid tidak seharusnya dipecat hanya dengan usul tidak percaya itu, lebih - lebih lagi, kedudukannya sebagai hakim itu bukan atas pilihan suara Majlis Peguam, tetapi adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selaku ketua negara.

Oleh itu, katanya, Tan Sri Abdul Hamid adalah orang yang dipercayai dan boleh diberi tanggungjawab sebagai hakim dan kedudukannya sekarang tidak boleh dipertikaikan, kecuali jika beliau tidak mendapat restu ketua negara.

Encik Mohamad yang juga ahli Dewan Negeri kawasan Parit Yaani menjelaskan adalah tidak logik Majlis Peguam menganggap Tan Sri Abdul Hamid sebagai orang yang bertanggungjawab menggantung kelima - lima hakim Mahkamah Agung baru-baru ini.

UMNO Johor, katanya, yakin tindakan yang dibuat oleh Tan Sri Ab-

dul Hamid mengemukakan representasi kepada Yang di-Pertuan Agong adalah betul dan secara jujur.

Pengerusi Persatuan Tuan - Tuan Punya Teksi Cap Daerah Johor Baharu, Encik Khamis Othman turut kesal atas tindakan Majlis Peguam mendesak Yang di-Pertuan Agong supaya menyingkir Tan Sri Abdul Hamid Omar.

Katanya, keputusan itu tidak patut dilakukan dalam keadaan sekarang boleh menjejaskan kedudukan dan reputasi kehakiman di negara ini.

Bekas anggota Parli-men Johor Baharu, Datuk Shahrir Abdul Samad ketika ditemui berkata keputusan yang di-

buat oleh Majlis Peguam itu hendaklah dipandang serius oleh pihak kerajaan.

Katanya, Majlis Peguam mempunyai pandangan dan peranannya sendiri di segi perundangan, dan kita sebagai pemimpin tidak harus menganggap kita sahaja di pihak yang benar.

Di Ipoh; Timbalan Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), Haji Salleh Yusof dalam kenyataannya berkata, tindakan Majlis Peguam itu sangat memalukan dan keterlaluan.

Katanya, KPPK kesal terhadap keputusan yang diambil oleh Majlis Peguam itu sebagaimana yang diketahui Tan Sri Hamid Omar dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai pengerusi tribunal dan beliau dapat menjalankan tanggungjawabnya sebaik mungkin dan mencari neraca keadilan.

Timbalan Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru - Guru Bahasa Malaysia, Encik Ali Othman pula ketika diminta mengulas berkata, kesatuan itu berasa terkejut di atas ketetapan yang dibuat oleh Majlis Peguam.

Katanya, dalam apa juga keadaan kesatuannya berpendapat tidak wajar di bidang kehakiman di negara ini dipertikaikan.

Yang Dipertua Per-

satuan Penjaja - Penjaja Taiping, Encik Ismail Yusof, berkata, beliau terperanjat membaca langkah yang diambil oleh Majlis Peguam itu.

Serentak dengan itu, beliau mendesak kerajaan supaya jangan tunduk kepada desakan tersebut.

Di Pulau Pinang; seorang tokoh politik tempatan Datuk Haji Sham-suri menyifatkan tindakan Majlis Peguam itu cuba membelakangkan undang - undang mahkamah yang mereka sendiri menghendaki ia ditegakan.

"Majlis Peguam tidak sepatutnya mengambil langkah - langkah sedemikian kerana negara ini mempunyai undang - undang yang sendiri serta sebarang masalah timbul jika tidak puas hati boleh dibuat mengikut saluran yang lebih baik," katanya ketika dihubungi di rumahnya petang ini.

Sementara itu, Ibu Pejabat Utusan Melayu di sini hari ini dihujani oleh panggilan - panggilan telefon dari orang ramai yang meminta supaya

kerajaan jangan tunduk terhadap desakan Majlis Peguam.

Mereka menyifatkan tindakan Majlis Peguam sebagai tidak bertanggungjawab dan boleh mengeruhkan lagi suasana berikutan penggantian jawatan lima hakim Mahkamah Agung baru-baru ini.

Menurut salah seorang dari mereka, desakan Majlis Peguam yang di-

putuskan dalam mesyuarat agung luar biasa semalam, berbau hasutan dan perlu diambil tindakan kerana ia akan menjejaskan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Satu lagi panggilan yang diterima pula meminta Majlis Peguam supaya menghormati perjalanan mahkamah tanpa mengganggu Tan Sri Hamid yang menjalankan tugasnya atas perkenan Yang di-Pertuan Agong. "Jika mereka mendakwa sebagai golongan elit, hormatilah perjalanan mahkamah kerana perundangan negara ini masih bebas", katanya.